

# MAJLIS MAKAN MALAM RASMI MERAIKAN KEDATANGAN PANGLIMA ANGKATAN TENTERA DIRAJA THAILAND

[airforce.mil.my/berita/acara-rasmi/2746-majlis-makan-malam-rasmi-meraikan-kedatangan-panglima-angkatan-tentera-diraja-thailand](http://airforce.mil.my/berita/acara-rasmi/2746-majlis-makan-malam-rasmi-meraikan-kedatangan-panglima-angkatan-tentera-diraja-thailand)

KUALA LUMPUR, 6 Dis 17 - Panglima Tentera Udara, YBhg Jen Tan Sri Dato' Sri Hj Affendi bin Buang TUDM dan isteri, YAM Tengku Puteri Seri Teja Pahang Puan Sri Hj Tengku Muhaini binti Sultan Ahmad Shah telah menghadiri Majlis Makan Malam Rasmi sempena Lawatan Rasmi Panglima Angkatan Tentera Diraja Thailand, Jeneral Tarnchaiyan Srisuwan dan isteri, Jiraporn Srisuwan ke Malaysia.

Majlis yang dihoskan oleh Panglima Angkatan Tentera, YM Jen Tan Sri Raja Mohamed Affandi bin Raja Mohamed Noor turut dihadiri oleh Panglima Tentera Darat, Panglima Tentera Laut serta Pegawai-pegawai Kanan dari ketiga-tiga cabang perkhidmatan.



